



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	25/9/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PTG JOHOR			

Penduduk felda risau jejaskan bekalan air bersih

Warna air sungai Lok Heng-Waha keruh

Kosmo, 25 Sept
2021_14

Isu Setempat

Oleh MASTURAH SURADI

KOTA TINGGI – Penduduk di Felda Lok Heng di sini bimbang pencemaran air mungkin berlaku akibat aktiviti perlombongan pasir sekali gus menjejaskan punca air utama penduduk di kawasan berkenaan.

Seorang penduduk, Mohd. Shahrudin Isa, 40, berkata, keadaan itu mula disedari sejak dua minggu lepas selepas warna air di sungai Lok Heng-Waha yang mengalirkan air ke loji rawatan berubah menjadi keruh.


Ujarnya, keadaan itu amat membimbangkan kerana sungai berkenaan satu-satunya sumber dan bekalan air bersih digunakan penduduk untuk memasak serta melakukan aktiviti harian.

"Kawasan sungai ini memang menjadi lokasi kami memancing.

Sejak dari kecil saya memancing di sekitar sungai ini jadi bila berlaku perubahan pada air memang kita tahu ada sesuatu yang tidak kena.

"Perubahan ini bukan kesan kerbau bermain air di dalam sungai kerana kesan keruh itu berterusan dari hari ke hari.

"Saya bimbang air tersebut mengalir ke loji utama untuk kegunaan penduduk. Saya risau jika keadaan air itu akan memberi kesan ke atas kesihatan. Sudahlah kita sedang berdepan Covid-19, tidaklah mahu sakit lain pula da-



ROSLELI menunjukkan keadaan air sungai Lok Heng-Waha yang keruh akan mengalir ke loji rawatan air Gugusan Lok Heng, Kota Tinggi semalam.

tang selepas ini," katanya ketika ditemui di sini.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Johor Lama, Rosleli Jahari berkata, beliau maklum akan perkara itu yang berlaku sejak minggu lepas.

Katanya, selepas membawa perkara itu ke pihak berkenaan beliau dimaklumkan keadaan itu terjadi susulan salah satu empangan di lombong pasir berkenaan telah pecah, namun pem-

baikan telah dilakukan.

Jelasnya, beliau dimaklumkan bahawa pihak pentadbir tanah daerah juga telah mengeluarkan notis penutupan sementara aktiviti perlombongan pasir itu sehingga selesai siasatan punca air keruh yang mengalir ke kawasan sungai Gugusan Lok Heng.

"Kita kecewa kerana keadaan masih sama pada hari semalam air di sungai dari Waha masih dalam keadaan keruh," ujarnya.